

**UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA  
PELANCARAN KAPAL RONDA TLDM "KD  
JERONG" DI LIMBUNGAN HONG LEONG  
LURSSSEN, BUTTERWORTH PADA 28HB JULAI,  
1975**

Mr. Gerhad Lurssen, Pengerusi Lembaga Pengarah Hong Leong Lurssen, Mr. Quek Ling Chan, Laksamana Muda Datuk Thanabalasingam, Ketua Tunis Tentera Laut, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Terlebih dahulu sukaiah saya menyatakan terima kasih saya dan isteri saya atas jemputan menghadiri upacara Pelancaran Kapal Di Raja Jerong hari ini.

Sebenarnya inilah kali kedua berturut-turut saya hadir bersama-sama dengan keluarga TLDM iaitu setelah merayakan Hari Tentera Laut di Woodland, menyaksikan satu peristiwa yang tidak kurang pentingnya kepada Tentera Laut kita.

Bahkan peristiwa hari ini amat besar maknanya kerana inilah julung kali sebuah kapal TLDM dibuat dilancarkan di Malaysia khususnya di Limbungan Hong Leong Lurssen ini.

Saya sukacita dan besar hati melihat kejayaan cemerlang yang telah dicapai oleh Limbungan Hong Leong Lurssen di dalam masa tiga tahun yang singkat sahaja semenjak Limbungan ini raemulakan urusannya pada awal tahun 1972.

Limbungan ini adalah satu-satunya contoh kerjasama dan percantuman tenaga pihak swasta dalam dan luar negeri yang telah berjaya di dalam iklim ekonomi yang wujud di negara ini. Memandang ke masa hadapan maka peluang perkembangan perusahaan penyenggaraan dan pembinaan kapal-kapal masih luas lagi di Malaysia dan saya harap banyak lagi Limbungan serupa ini diusahakan untuk memenuhi keperluan maritime dan ketenteraan di masa akan datang.

Limbungan Hong Leong Lurssen telah membuktikan kebolehan-nya dan telah diberikan banyak kerja-kerja senggaraan serta membaiki lanci dan kapal Jabatan-jabatan Kerajaan di samping kapal-kapal swasta serta Tentera Laut Di Raja Malaysia.

Seperti yang kita saksikan, Limbungan ini telah mengorak langkah menguruskan pembinaan lancip dan kapal tempatan untuk Tentera Laut Di Raja Malaysia. Pembinaan yang pertama merupakan sembilan buah lancip sungai "armour-plated" yang telahpun diserahkan kepada Tentera Laut Di Raja Malaysia beberapa bulan yang lalu.

Saya suka merakamkan pujian atas kejayaan dan sikap positif pihak pengurus Limbungan Hong Leong Lurssen dalam usahanya untuk memenuhi cita-cita negara ini supaya mencapai kematangan dalam perusahaan penyenggaraan dan pembinaan kapal.

Bagi peringkat kedua, Limbungan ini telah mendapat kontrak membina enam buah kapal ronda untuk Tentera Laut Di Raja Malaysia yang mana, kapal pertamanya ialah KD JERONG ini. Keenam-enam buah kapal ronda ini akan menjadi Skuaderan kapal-kapal Ronda Kelima Tentera Laut Di Raja Malaysia.

Limbungan Hong Leong Lurssen ini akan membina sebuah kapal pengukur dasar laut yang sederhana besarnya untuk Tentera Laut Di Raja Malaysia yang saya sebutkan di hari T L D M dahulu. Kapal yang moden dan "sophisticated" ini menurut jadual akan diserahkan kepada Tentera Laut Di Raja Malaysia di dalam bulan Oktober 1977. Ini ialah satu lagi prestasi yang boleh dibanggakan oleh Limbungan tempatan negara kita.

Dengan adanya Limbungan serupa ini di samping Limbungan M A R A di Trengganu sebagai "catalyst", saya percaya, selain daripada memberi pekerjaan dan mengurangkan perbelanjaan foreign exchange dalam senggaraan dan pembinaan kapal, kita dapat mewujudkan kumpulan pekerja-pekerja yang mahir dalam kerja-kerja senggaraan dan pembinaan kapal dan menghidupkan semula tradisi kita sebagai bangsa pelaut.

Saya juga sukacita melihat beberapa orang pegawai dan laskar-laskar bekas Tentera Laut Di Raja Malaysia telah diambil bekerja di Limbungan Hong Leong Lurssen dan saya berharap lebih ramai lagi kakitangan bekas Tentera Laut Di Raja Malaysia akan diberi peluang untuk mempraktikkan kemahiran mereka setelah diasuh oleh Tentera Laut Di Raja Malaysia.

Akhirnya, saya berharap Limbungan Hong Leong Lurssen akan terus berusaha untuk menjaga nama baiknya yang cemerlang supaya tercapai kejayaan yang lebih untuk kebaikan semua di dalam negara ini.

Saya ucapkan selamat maju jaya. Terima kasih.